

13/10/2000

Dr M, Hadi setuju debat Pemuda, Pas

Zulkofli Jamaludin; Nazura Ngah

KUALA LUMPUR, Khamis - Pucuk pimpinan Umno dan Pas hari ini bersetuju supaya debat antara pergerakan Pemuda masing-masing mengenai hak keistimewaan Melayu, diteruskan.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata perdebatan itu perlu diadakan bagi menjelaskan kepada rakyat mengenai hak berkenaan supaya mereka tidak keliru.

Bagaimanapun, katanya, beliau tidak pasti cara mana debat itu akan diadakan.

"Kita perlu bahas perkara ini tetapi cara-cara perbahasan saya tidak pasti. Tetapi perlu ada satu perbahasan supaya rakyat tidak keliru," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang sekembali dari lawatan kerja 10 hari ke Britain dan lawatan singkat ke Bosnia Herzegovina.

Timbalan Presiden Pas, Abdul Hadi Awang, pula memberitahu pemberita di Marang, pihaknya bersetuju supaya debat antara Pemuda Umno dan Pas diadakan tetapi ia mestilah dalam suasana penuh persaudaraan.

"Debat itu mesti dengan syarat bukan untuk mencari siapa menang atau kalah tetapi lebih kepada mencari kebenaran," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pameran Deraf Rancangan Tempatan Daerah Marang.

Kedua-dua pemimpin ini diminta mengulas keputusan Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein untuk berdebat dengan Ketua Dewan Pemuda Pas, Mahfuz Omar mengenai hak keistimewaan Melayu. Tarikh dan tempatnya belum ditetapkan.

Beberapa pemimpin Umno dan Pas sebelum ini meminta supaya debat itu dibatalkan dengan alasan ia tidak membawa faedah dan tidak akan menyelesaikan masalah.

Malah, Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, semalam dilaporkan berkata, debat antara kedua-dua parti itu tidak penting kerana jalan penyelesaian hanya dapat dicapai jika pemimpin peringkat atasan saja berdebat.

Mengulas kenyataan Menteri Besar Kelantan itu, Dr Mahathir berkata, Nik Aziz bukanlah Presiden Pas.

Hadi, ketika ditanya percanggahan pendapat antaranya dengan Nik Aziz berkata, pendapat antara mereka berdua tidak berbeza kerana dari segi muzakarah ia sama-sama dipersetujui.

"Cuma kadang-kadang Umno kurang faham, tidak faham antara debat dengan muzakarah. Muzakarah pun satu perbahasan tapi bukan untuk cari menang atau cari kalah.

"Itulah matlamat Dewan Pemuda Pas, bukan untuk mencari siapa menang siapa kalah tapi untuk mencari kebenaran," katanya.

Mengenai kesediaan Pergerakan Pemuda Umno berdebat dalam isu yang mencakupi globalisasi, k-ekonomi, era teknologi maklumat (IT) dan konsep Islam dalam kehidupan moden selain hak keistimewaan orang Melayu, Abdul Hadi berkata, Pemuda Pas sedia kerana mereka mempunyai ramai golongan profesional.

"Debat pasal apa saja dan ia boleh diadakan bila-bila masa," katanya.

Sementara itu, Hishammuddin mengadakan mesyuarat petang ini untuk menetapkan tarikh, mekanisma dan topik perdebatan.

Beliau berkata, Pemuda Umno sedia berdebat untuk menjelaskan isu sebenar yang sering diputar-belitkan pembangkang.

Semalam, Hishammuddin berkata perdebatan itu akan mencakupi isu

globalisasi, k-ekonomi, era teknologi maklumat (IT) dan konsep Islam selain hak keistimewaan orang Melayu.

"Kami bersedia kerana banyak isu akan kami debatkan. Bagi Umno, perkara utama yang ingin dicapai adalah kepentingan umat Melayu," katanya.

Hishammuddin turut menyifatkan kehadiran Mahfuz yang datang sendiri menyerahkan surat persetujuan debat di ibu pejabat Pemuda Umno sebagai satu perkembangan positif.

(END)